



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JMK 321 – Puisi Melayu Moden**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Puisi berjudul “*Seluang*” karya Zurinah Hassan memaparkan falsafah pemikiran dengan membandingkan kehidupan manusia. Bincangkan (Lampiran A).  

(25 markah)
2. Sasterawan Negara Muhammad Hj. Salleh terkenal dengan puisi-puisi intelektualnya. Puisi berjudul “*yang kami perlukan*” dari kumpulan puisi *Selamat Pulang, Juita* (2009) melengkapkan mesej yang menarik dalam bahasa yang ringkas dan padat. Bincangkan (Lampiran B).  

(25 markah)
3. Puisi adalah antara saluran komunikasi yang sangat berkesan. Hal ini dibantu oleh keupayaan berbahasa, penyair menyatakan ketidakpuasan hati terhadap semua isu yang menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat. Berdasarkan puisi berjudul “*Aneh memikirkan*” karya Nahmar Jamil, bincangkan persoalan tersebut (Lampiran C).  

(25 markah)
4. “*Sekilas kesangsian*” karya Hassan Baseri Budiman (2014:39), diungkapkan dalam bahasa yang mudah dan ringkas namun menyelitkan metafora-metafora tertentu sehingga meninggalkan kesan yang mendalam. Bincangkan (Lampiran D).  

(25 markah)
5. Rosmiaty Shaari melalui puisinya berjudul “*Pisau dan Darah*” daripada kumpulan puisi *Kembali kepada Fitrah* (2014:26) menceritakan tentang derita hati wanita. Bincangkan hal ini daripada perspektif psikologi (Lampiran E).  

(25 markah)
6. Tema cinta Ilahi begitu sinonim dengan hampir semua penyair muslim. Hal ini tidak terkecuali bagi Sasterawan Negara Anuar Ridzwan. Bincangkan keistimewaan dan keunikan dua buah puisi beliau dalam menyingkap tema tersebut (Lampiran F).  

(25 markah)

**LAMPIRAN A**

**Seluang**

Tuhan  
berikan aku peluang  
untuk memahami  
mengapa sekecil seluang  
harus berjuang menentang pasang  
meredah batu-batu  
    dan liku-liku  
hingga gugur sisik  
dari adanya yang tercarik

setelah perjalanan yang panjang  
ia tiba di pantai asing  
hanya untuk dihempas rindu  
    dan sesal  
lalu menghabiskan sisa usia  
melawan arus untuk pulang  
ke tebingnya yang asal

Tuhan  
berilah aku peluang  
untuk memahami  
mengapa sekecil seluang  
sependek hayat  
sejempit nafas  
harus berhempas pulas  
di air deras

**(Dewan Sastera, Januari 2004  
Zurinah Hassan).**

**LAMPIRAN B**

**Yang kami perlukan**

yang kami perlukan  
kata benar,  
bukan cerita besar,  
ditambah rempah kisah,  
kerana dalam alir hikayat  
sudah cukup makna dan kias  
yang dapat mengalir  
ke sungai kecil diri.

jadi, tanamlah pohon cerita  
yang berakar pada akal,  
supaya dapat kami percaya  
dan menjadi ahli kekal.

**24 November 1995**  
**mekah**  
**(Muhammad Haji Salleh:2009:54)**

**LAMPIRAN C**

**Aneh Memikirkan**

Aneh memikirkan bentuk mentaliti  
rakyat dan Negara  
pemerintah dan pembangkang  
kuasa dan wang

Kemajuan seperti kaki tempang  
keadilan seperti mengharungi salju tebal  
kezaliman seperti jerebu siang hari  
kebebasan seperti topeng palsu.

Pemimpin menjatuhkan lawan politik  
mencari sokongan dakwaan dan sogokan  
laporan polis, siasatan dan penahanan  
menolak debat dan membiarkan kekeliruan.

Rakyat jelata terkebil-kebil  
yang cerdik melihat hujah dan tindakan  
yang acuh tidak acuh menghindarkan diri  
yang takut berdiam diri.

Yang kesal kecewa  
melihat lorong dan langit  
mencari dan bermimpi  
percikan bunga api.

**23 Oktober 2011**  
**(Nahmar Jamil:2014:80)**

**LAMPIRAN D**

**Sekilas Kesangsian**

Aku hanya ingin menghabiskan malamku denganmu  
di lorong sesunyi ini.

Mendengar suara sepi yang berlagu  
mendengar ucap dan kata cinta yang cemburu  
dan sering ragu-ragu.

Tapi kau masih diam.

Dengan air mata  
kaubakar  
belantara perasaan  
dan kekecewaan merajai seluruh lautan impian.

Dan kita rupa-rupanya terpecah dalam sekilas kesangsian  
yang tidak mampu untuk ditafsirkan.

**Cuping, Perlis**

**23 Mei 2013**

**(Hasan Baseri Budiman:2014:39)**

**LAMPIRAN E**

**Pisau dan Darah**

Kau sebilah pisau bermata dua  
menyilau dalam cahaya  
mengelar ikut selera.

Aku darah merah menyala  
berasal dari sumsum nestapa  
senyap aku di pembuluh rahsia.

Kau pisau bermata dua  
menghiris dua luka  
mengharap darah  
mengalir tanpa merasa.

Dan aku tetap darah  
yang mengalir dari luka yang parah  
dari duka yang sangat merah.

Kau dan aku adalah satu  
tanpa kilauan matamu  
tiadalah merah darahku.....

**(Melaka, 2011  
Rosmiaty Shaari:2014:26)**

**LAMPIRAN F**

(i) **Kembara Ini**

Mengapa kau tanyakan  
hujung kembara ini?

ini kembara  
jadi biasa  
'pabila puasmu sekadar mendapatkan benda

ini kembara  
luar biasa  
'pabila kau pencari Dia

jalannya panjang berlingkar-lingkar  
tampak mudah melindung sukar

semakin tinggi kau dekati Dia  
semakin tinggi duduknya Dia

semakin kau jauhi pangkal jalan  
semakin kau hampiri pangkal jalan.



(ii) **Majnun**

Engkau memberi  
segala yang memabukkan sukma  
juga pemberi segala penenang jiwa

Engkau tahu, bukan?

alam kulihat  
    memabukkan  
    tapi tempat aku berumah  
kata kudengar  
    memabukkan  
    tapi membuat aku berakal  
nafas kuhirup  
    memabukkan  
    tapi membuat aku hidup dan mati

alam majnunku  
kata majnunku  
nafas majnunku  
tidak hadir kewarasanku  
oleh lembut dank eras kurnia  
dalam majnunku.